

22 MAR 2002

Abdullah-Zimbabwe/I

MALAYSIA BELUM TERIMA NOTA MENGENAI PENGGANTUNGAN ZIMBABWE

KUALA LUMPUR, 22 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau belum menerima sebarang nota daripada Komanwel mengenai penggantungan Zimbabwe daripada badan itu.

"Belum lagi...mungkin ia sudah sampai ke Wisma Putra tapi saya belum lagi menerimanya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jentera pilihan raya Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil Ketari di ibu pejabat UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Zimbabwe, sejak setahun lepas telah diperhati oleh Komanwel berhubung penyalahgunaan hak asasi manusia. Negara itu baru selesai mengadakan pilihan raya Presiden yang diawasi wakil pertubuhan tersebut.

Kebanyakan negara Afrika mengiktiraf pilihan raya presiden yang diadakan itu dan menganggap ia berlangsung secara bebas dan adil. Bagaimanapun, negara-negara barat serta beberapa negara anggota Komanwel mengutuk pilihan raya itu kerana mendakwa Presiden Robert Mugabe telah menyalahgunakan kuasa serta institusi negara untuk merampas kemenangan daripada pencabar beliau, Morgan Tsvangirai.

Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Australia dua minggu lepas tidak membuat sebarang syor berhubung tindakan yang perlu diambil terhadap Zimbabwe. Sebaliknya, ia menyerahkan keputusan berhubung perkara itu kepada Kumpulan Petugas Komanwel yang dianggotai Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki, Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo dan Perdana Menteri Australia John Howard.

Ketiga-tiga pemimpin tersebut telah mengadakan pertemuan di London pada Selasa dan memutuskan Zimbabwe patut digantung daripada menganggotai Komanwel melalui keputusan troika.

Abdullah hari ini berkata, Malaysia akan terikat dengan apa juga keputusan yang dibuat oleh badan itu yang telah diberi mandat untuk mengesahkan laporan para pemerhati pilihan raya presiden Zimbabwe pada CHOGM yang lepas.

"Dan apabila mereka membuat keputusan, ia akan disampaikan kepada Setiausaha Agung Komanwel yang kemudian akan memaklukkannya kepada negara-negara Komanwel," kata Abdullah.

Beliau berkata, sebaik sahaja Wisma Putra menerima nota berhubung penggantungan Zimbabwe daripada Komanwel, ia akan dikemukakan kepada kabinet atau Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

SR AHH SP MOZ